

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 MAC 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Fenomena Gerhana Matahari Separa tarik perhatian ramai	Malaysia Gazette
2	Fenomena Gerhana Matahari Separa jadi tumpuan	Utusan Malaysia
3	Teruja telur ayam berdiri	Sinar Harian
4	1,000 banjiri Planetarium Negara	Harian Metro
5	Malaysia alami gerhana matahari	Kosmo
6	Gerhana matahari, 1,300 banjiri Planetarium Negara	Kosmo
7	Fenomena telur berdiri tiada kaitan mitos	Berita Harian
8	Kemarau selepas gerhana matahari	Kosmo
9	Projek teropong 3 hari	Harian Metro
10	Fenomena telur berdiri ketika gerhana matahari jadi tarikan	Astro Awani.com
11	Students get rare treat at Planetarium	New Straits Times
12	Partial solar eclipse	The Sun
13	Avid gazers turn up in full force	The Star
14	An incredible sight to behold	The Malay Mail
15	Jerebu belum sampai Malaysia	Kosmo
16	Malaysia belum terjejas jerebu kabakaran hutan Riau	Utusan Malaysia
17	No need to worry about haze, yet	The Star
18	Empat sampel dicemari kimia ‘Carbamate’	Harian Metro
19	Polis siasat punca nasi lemak dicemari racun serangga	Bernama.com
20	Racun serangga punca keracunan makanan di Batu Gajah	Bernama.com

Malaysia Gazette

SPROUT YOUR MIND

Fenomena Gerhana Matahari Separa tarik perhatian ramai



Ketua Pengarah ANGKASA, Dr. Noordin Ahmad, memberikan penjelasan kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau mengenai fenomena gerhana separa sewaktu beliau turut hadir bagi menyaksikan fenomena gerhana matahari separa bagi tahun 2016 di Planetarium Negara, Kuala Lumpur, foto ASHRAF MUSTAQIM BADRUL MUNIR, 9 Mac 2016.

Hari ini sebaik sahaja matahari terbit, seluruh Malaysia dapat menyaksikan Fenomena Gerhana Matahari Separa.

Ia berlaku apabila tiga jasad besar di angkasa lepas bumi, bulan dan matahari berada di dalam kedudukan selari.

Hasil daripada kedudukan yang unik itu, jasad bulan menutupi jasad matahari mengakibatkan bentuk matahari di langit menjadi tidak bulat seperti biasa, dan akan kelihatan seolah-olah hilang sebahagiannya.

Pada lokasi-lokasi tertentu, jasad matahari akan hilang keseluruhannya, lalu terjadilah fenomena Gerhana Matahari Penuh dan boleh dilihat sekitar pukul 7.24 hingga 7.31 pagi.

Di Malaysia ramai mengambil peluang melihat fenomena alam di seluruh negara terutama di **Agensi Angkasa Negara** Kuala Lumpur di mana ramai termasuk pelajar-pelajar sekolah mengambil kesempatan melihat sendiri gerhana matahari dan merakamnya dilensa kamera.

Selain itu, ramai juga mengadakan solat sunat gerhana di masjid-masjid seluruh negara selaras dengan tuntutan agama Islam. Kali terakhir penduduk Malaysia dapat melihat fenomena Gerhana Matahari Separa ialah pada bulan Januari 2010.--MalaysiaGazette

Fenomena gerhana matahari separa jadi tumpuan

Oleh AZUAR FAHMI MOHD ALI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 MAC

ORANG ramai hari ini membanjiri pekarangan Planetarium Negara seawal pukul 6 pagi untuk menyaksikan secara langsung fenomena gerhana matahari separa yang hanya berlaku dalam tempoh empat tahun sekali itu.

Bagi pengunjung, mereka kagum kerana berpeluang menyaksikan fenomena yang disifatkan luar biasa itu.

Seorang guru sekolah rendah, **Mohd. Shariff Hassan**, 43, mengakui sangat teruja melihat sendiri fenomena berkenaan menggunakan teleskop bersama-sama 12 anak muridnya.

"Di sekolah, kami ada menubuhkan Kelab Falak yang mengkaji mengenai bidang astronomi semenjak tahun 2011, namun ini kali pertama dapat membawa ahli kelab menyaksikan sendiri gerhana matahari separa yang hanya akan berlaku dalam tempoh empat tahun sekali."

"Saya harapkan dapat melihat fenomena ini pada masa hadapan yang dijangka berlaku lagi pada bulan Disember 2019," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* dalam program Gerhana Matahari Separa di Planetarium Negara dekat sini

hari ini.

Begitu juga dengan penggemar astronomi, **Siva Raja Sindiramitty**, 28, yang tidak mahu melepaskan peluang menyaksikan fenomena itu.

"Pada mulanya saya mahu menyaksikan sendiri fenomena berkenaan di Palembang, Indonesia malangnya tiket kapal terbang habis di saat-saat akhir, tetapi ini masih lagi satu pengalaman yang menarik," katanya yang meminati bidang tersebut sejak kecil.

Sementara itu, **Everett Yeoh**, 26, pula sanggup datang ke Planetarium Negara seawal pukul 6.30 pagi.

"Kita selama ini hanya menyaksikan cuaca hujan atau panas, jadi apabila adanya fenomena gerhana matahari separa, saya pastinya tidak mahu melepaskan peluang keemasan ini," ujarnya yang kelihatan ceria.

Sempena program itu, seramai 1,000 orang hadir termasuk pelancong dari luar negara dan pelajar sekolah.

Pihak Agensi Angkasa Negara (Angkasa) selaku pengurusan juga membekalkan kaca mata khas secara percuma kepada pengunjung untuk menyaksikan fenomena gerhana matahari separa tersebut secara langsung.

Turut disediakan beberapa buah teleskop untuk tujuan pencerapan serta hadiah kepada pengunjung bertuah.



MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, Madius Tangar (dua dari kiri) dan sekumpulan pelajar mendengar taklimat Ketua Pengarah Angkasa, Dr. Noordin Ahmad mengenai fenomena gerhana matahari separa di pekarangan Planetarium Negara, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MD. SHAHJEHAN MAAMIN



MOHD SHARIFF HASSAN



SIVA RAJA SINDIRAMITTY



EVERETT YEOH

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 10 MAC 2016 (KHAMIS)**

Teruja telur ayam berdiri

KUALA LUMPUR - Orang ramai merasa teruja melihat telur ayam 'boleh berdiri' ketika berlaku fenomena gerhana matahari separa pagi semalam.


Perkara ini disaksikan pengunjung Planetarium Negara yang mengadakan demonstrasi itu.

Suri rumah, Jenny Ong, 43, berkata, beliau merasa teruja kerana sebelum ini hanya mengetahui telur 'berdiri tegak' ketika sambutan Hari Lap Choon/Li Chun (Hari Telur Berdiri) dalam kalender masyarakat Cina.

"Berdasarkan pemahaman saya, beberapa hari sebelum atau selepas sambutan Tahun Baharu Cina, kami akan menegakkan telur ayam di atas lantai semasa Hari Lap Choon yang dikatakan kedudukan bulan ketika itu berada dekat dengan bumi.

"Namun setelah melihat demonstrasi ditunjukkan pegawai **Planetarium Negara**, baru saya tahu bahawa kajadian gerhana juga boleh menyebabkan graviti yang dapat menegakkan telur ayam di atas permukaan rata," katanya.

Planetarium Negara mengadakan program pencerapan gerhana matahari separa anjuran Agensi Angkasa



Telur ayam berdiri akibat kesan daripada kedudukan bumi, bulan dan matahari berada dalam satu garisan menyebabkan wujudnya tarikan graviti.

Negara (Angkasa), semalam.

Sementara itu, Pembantu Pegawai Sains Planetarium Negara, Siti Aminah Arbab berkata, telur berdiri berlaku akibat kesan daripada kedudukan bumi, bulan dan matahari berada dalam satu garisan yang menyebabkan wujudnya tarikan graviti.

"Dalam keadaan ini, putih telur tertarik ke bahagian atas telur manakala kuning telur yang sedikit berat berada di bahagian bawah sehingga mewujudkan keseimbangan pada telur."

"Saintis berpendapat terdapat garis medan gravitasi antara matahari dan bumi yang mampu pengaruh elektron dalam telur sehingga jadikan ia stabil, sekali gus membolehkan-

nya berdiri tegak," katanya.

Lebih 1,000 warga kota membanjiri pekarangan Planetarium Negara bagi menyaksikan fenomena itu menerusi kaca mata khas dari jam 7.30 pagi hingga 10 pagi.

Ia turut dihadiri Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wilfred Madius Tangau.

Wilfred berkata, penganjuran program tersebut dapat memberi pendedahan dan menanam minat masyarakat terhadap ilmu astronomi.

"Fenomena ini hanya berlaku empat tahun sekali dan jika terlepas peluang kali ini, orang ramai perlu menunggu sehingga 26 Disember 2019 bagi menyaksikannya," katanya. - Bernama

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 10 MAC 2016 (KHAMIS)**



SEBAHAGIAN pelajar sekolah melihat fenomena gerhana matahari di Planetarium Negara, semalam.

1,000 banjiri Planetarium Negara

Kuala Lumpur: Lebih 1,000 orang membanjiri pekarangan Planetarium Negara, di sini, semalam bagi menyaksikan fenomena gerhana matahari separa yang disifatkan istimewa kerana berlaku setiap empat tahun sekali.

Pengarah Bahagian Pendidikan Sains Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) Mhd Fairos Asilam berkata, fenomena itu juga satu-satunya gerhana matahari separa yang dapat disaksikan di Malaysia sepanjang tahun ini.

Beliau berkata, pelbagai aktiviti menarik disediakan kepada pengunjung bermula jam 7.30 pagi hingga 10 pagi.

"Aktiviti pertama adalah

taklimat gerhana matahari dan trivia astronomi di perkarangan, disusuli dengan solat sunat gerhana yang diadakan pada jam 8 pagi di Mall Planetarium Negara.

"Bagi menarik minat pengunjung yang terdiri daripada lapisan masyarakat dan kaum, kita juga mengadakan cabutan bertuah serta memberi hadiah kepada pengunjung istimewa antaranya VS 8X42WP Monokular," kata dia menerusi kenyataan di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau dan Ketua Pengarah ANGKASA Dr Noordin Ahmad.

Gerhana matahari separa yang berbentuk seakan-akan bulan sabit dapat dilihat selama dua jam pagi semalam terutama di kawasan utara Semenanjung yang mencapai peratus rendah litupan permukaan matahari dilindungi bulan.

Selain aktiviti yang disediakan oleh ANGKASA dengan kerjasama Starfield Instruments Supply itu, orang ramai juga teruja melihat beberapa telur yang berada pada kedudukan tegak di atas jalan tanpa sokongan dibabarkan tarikan graviti antara bumi, matahari dan bulan.

Mhd Fairos berkata, pada masa sama, pihaknya turut

mengadakan siaran langsung gerhana matahari yang disiarkan di laman web ANGKASA dan astrofotografi gerhana matahari yang diadakan di balai cerap Planetarium Negara.

"Di sini (pekarangan tangga Planetarium Negara), permulaan gerhana bermula pada jam 7.24 pagi, pertengahan gerhana pada 8.24 pagi dan penghujung gerhana pada 9.31 pagi.

"Bagi memberi peluang orang ramai melihat fenomena yang jarang berlaku, ANGKASA menyediakan inisiatif 10 teleskop dan 1,000 kaca mata gerhana kepada pengunjung terawal," katanya.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (FENOMENA GERHANA MATAHARI) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 10 MAC 2016 (KHAMIS)

Malaysia alami gerhana matahari


Oleh NADIA SHAIFUL BAHARI

KUALA LUMPUR – Jutaan penduduk di sebahagian negara di Asia Tenggara termasuk Malaysia semalam berpeluang menyaksikan fenomena gerhana matahari separa dan gerhana matahari penuh.

Di Malaysia, fasa gerhana matahari separa boleh disaksikan seawal pukul 7.29 pagi di Johor Bahru, Johor dan fasa terakhir gerhana yang boleh dilihat adalah pada pukul 10 pagi di Kudat dan Tawau, Sabah.

Fenomena gerhana matahari yang boleh disaksikan di semua kawasan di negara ini berada mencapai kemuncaknya antara pukul 8.23 pagi hingga pukul 8.42 pagi apabila bulan mula menutupi matahari secara perlahan-lahan.

Ketika kemuncak itu, matahari dilihat berbentuk sabit sebe-



IMEJ gerhana matahari separa yang berlaku di Malaysia bermula pukul 7.29 pagi dan berakhir pada pukul 9.30 pagi yang dirakam di Menara Aqabah, Pasir Gudang, Johor semalam.

lum la secara perlahan-perlahan kembali normal selepas pukul 9.30 pagi.

Malaysia dan beberapa buah negara Asia lain seperti Thailand dan India mengalami gerhana matahari separa manakala gerhana penuh pula berlaku di beberapa wilayah di Indonesia.

Menteri Sains Teknologi dan

Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata, gerhana matahari yang berlaku sekali dalam tempoh empat tahun di Malaysia itu diharapkan dapat memupuk minat pelajar mendalam ilmu sains angkasa.

“Sebagai memanfaat fenomena tersebut, Agenst Angkasa Negara (Angkasa) menjemput

guru-guru dan pelajar dari Lembah Klang menyaksikan fenomena itu dengan menyediakan beberapa buah teleskop dan kaca mata gerhana secara percuma.

“Pengunjung akan memahami lebih jelas mengenai proses kejadian gerhana matahari kerana mereka akan diberi penjelasan mengenai fenomena tersebut,”

kata beliau ketika menyaksikan fenomena gerhana matahari di Planetarium Negara di sini semalam.

Menurut beliau, fenomena tersebut semalam berjaya menarik kira-kira 1,300 pengunjung ke Planetarium Negara dan fenomena sama dijadual berlaku pada 29 Disember 2019.

**BERITA ONLINE
KOSMO ONLINE (<http://www.kosmo.com.my>)
TARIKH : 10 MAC 2016 (KHAMIS)**



Gerhana matahari, 1,300 banjiri Planetarium Negara



KUALA LUMPUR - Fenomena gerhana matahari separa yang berlaku pada pukul 7.24 pagi hingga 9.30 pagi tadi telah berjaya menarik kira-kira 1,300 pengunjung ke Planetarium Negara di sini.

Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata, fenomena tersebut diharapkan dapat menanam minat golongan pelajar terhadap mata pelajaran sains terutamanya sains angkasa.

"Fenomena ini berlaku sekali dalam empat tahun dan kita ambil peluang ini menjemput guru-guru dan pelajar dari sekitar Lembah Klang supaya menyaksikannya.

"Pengunjung akan lebih jelas tentang proses kejadian gerhana matahari berlaku," katanya ketika turut serta menyaksikan fenomena tersebut di perkarangan Planetarium Negara di sini pagi tadi.

Fenomena gerhana matahari separa terjadi apabila bentuk bulan (saat puncak berlakunya gerhana) hanya menutup sebahagian daripada bentuk matahari. - K! ONLINE

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 10 MAC 2016 (KHAMIS)

Kuala Lumpur



sebahagian murid teruja melihat telur berdiri ketika fenomena gerhana matahari separa berlaku di Planetarium Negara, semalam.
FOTO ASYRAF HAMZAH/BH

Melaka



Uji kaji telur berdiri ketika gerhana matahari yang dijalankan di Masjid Sayyiddina Abu Bakar di UTEM, Durian Tunggal, Melaka.

[FOTO NORAEISAH JAHURI/BH]

Oleh S Anand Kumar, Mohd Fahmi Mohd Yusof, Petah Wazzan Iskandar, Fahmy Azril Rosli Nurul Khairiah Mohamed Yusof, Balqis Jazimah Zahari, Noor Atiqah Sulaiman, Rudy Syareme Sheriffudin
bhnews@bh.com.my

Fenomena telur berdiri tiada kaitan mitos

» **Kedudukan bumi selari dengan bulan, matahari ketika gerhana wujud tarikan graviti**

■ Kuala Lumpur

Fenomena telur berdiri ketika fenomena gerhana matahari tiada kaitan dengan kepercayaan atau mitos masyarakat tertentu.

Pegawai Penyelidik Agenzia Angkasa Negara (ANGKASA), Lau Chen Chen, berkata fenomena telur berdiri memang berlaku dan ia dibuktikan secara saintifik.

Gerhana bulan juga membolehkan telur berdiri beberapa minit.

Fenomena itu terjadi berikutan tarikan kesan daripada kedudukan bumi yang berada dalam satu garisan bersama bulan dan matahari hingga menyebabkan wujudnya tarikan graviti.

Kedua-dua itu memaksa putih telur tertarik ke bahagian atas, manakala kuning telur yang lebih berat akan berada di bahagian bawah sehingga mampu mewujudkan keseimbangan pada telur.

"Saintis berpendapat ada garis medan graviti antara matahari dan bumi yang mampu mempengaruhi elektron dalam telur sehingga mampu menstabilkannya untuk berdiri tegak," katanya kepada BH.

Buat uji kaji

Mengulas lanjut fenomena telur berdiri, Chen Chen, berkata pihaknya turut menjalankan satu uji kaji bagi membuktikan bahawa ia adalah benar.


“Saintis berpendapat ada garis medan graviti antara matahari dan bumi yang mampu mempengaruhi elektron dalam telur sehingga mampu menstabilkannya untuk berdiri tegak”

Lau Chen Chen,
Pegawai Penyelidik Agenzia Angkasa Negara (ANGKASA)

Guru dan murid Sekolah Kebangsaan Setapak Indah, Kuala Lumpur mengadakan solat sunat gerhana matahari, semalam.

Imam, Masjid Tepian Putra, Kuantan, Muhammad Uwais Al Qarni Abdul Wahab membaca khutbah selepas solat sunat gerhana matahari, semalam.

[FOTO MUHAMMAD SHAFIQ MOHD ZAIN /BH]



KERATAN AKHBAR KOSMO (FENOMENA GERHANA MATAHARI) : MUKA SURAT 2 TARIKH: 10 MAC 2016 (KHAMIS)

Malaysia dijangka berdepan suhu panas, kering sehingga enam bulan lagi

Kemarau selepas gerhana matahari

Oleh JUNHAIRI ALYASA, AHMAD ISYAFIQ MAD.
DESA dan MOHD. RIDZAUDDIN ROSLAN

J OHOR BAHRU — Fenomena gerhana matahari yang berlaku semalam di beberapa negara Asia termasuk Malaysia dijangka mengakibatkan kemarau dan suhu panas berlurutannya di negara ini dalam tempoh empat hingga enam bulan lagi.

Pensyarah Kanan Fakulti Geoinformasi dan Hartanah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Othman Zainon berkata, purata bacaan suhu cuaca di negara ini ialah 32 dan 33 darjah Celsius, namun ia dijangka meningkat sehingga 35 darjah Celsius atau lebih selepas fenomena gerhana semalam.

Tarikan graviti bulan dan matahari pada permukaan laut yang berlaku semasa fenomena gerhana matahari menyebabkan suhu meningkat.

"Ia dijangka mengakibatkan kemarau dalam tempoh empat hingga enam bulan akan datang di negara ini yang turut disumbangkan oleh fenomena El-Nino ketika ini," katanya kepada *Kosmo* semalam.

Beliau berkata, kajian sekumpulan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Geomatik UTM sewaktunya gerhana matahari semalam turut mendapati cuaca panas ketika ini berkait rapat dengan tiupan angin yang berhenti ketika gerhana tersebut berlaku.

Katanya, kemarau yang disebabkan oleh gerhana matahari sebenarnya pernah berlaku pada tahun 1995 dan negara mengalami cuaca panas yang panjang pada ketika itu.


Othman yang mengetuai kajian tersebut bersama sekumpulan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Geomatik UTM berkata, keadaan cuaca panas sekarang juga berikutan pertembungan fenomena gerhana matahari separa dan El-Nino.

Beliau yang juga pakar astronomi berkata, secara keseluruhan kajian tersebut bertujuan mengenal pasti kesan gerhana itu terhadap beberapa perkara termasuk daya tarikan graviti, cuaca, keperilakan haiwan serta insiden suhu dan pasang surut di laut.

"Kajian tersebut pertama kali dilaku-



OTHMAN



SEEKOR burung bertenggek pada dahan pokok ketika berlakunya gerhana matahari pada pukul 8.02 pagi di Bandar Puncak Alam, Shah Alam, Selangor semalam.

kan di Malaysia dan disertai kira-kira 80 orang pelajar dan 10 kakitangan universiti.

Menurut Othman, hasil kajian gerhana matahari itu akan dikumpulkan dalam tempoh sebulan dan pihaknya bersedia untuk berkongsi hasil yang didapat melalui seminar yang diadakan.

"Antara pihak yang terlibat ialah Institut Penyelidikan Astronomi Kebangsaan Thailand," tambahnya.

Jutaan penduduk di beberapa negara Asia termasuk Malaysia menyaksikan fenomena gerhana matahari semalam.

Fenomena gerhana matahari separa di Malaysia berlaku antara pukul 7.29 pagi sehingga 9.30 pagi.

Fenomena gerhana matahari penuh dapat disaksikan di beberapa lokasi di Indonesia.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi menjalankan fenomena El-Nino yang melanda negara ini sejak bulan Disember tahun lalu akan kembali pulih menjelang bulan Jun nanti.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail berkata, kekuatan fenomena El-Nino akan terus berkurangan bermula April nanti ekoran



PENDUDUK di Malaysia dijangka bakal berdepan suhu panas panjang selama empat

hingga enam bulan lagi.

peralihan monsun dan ia akan menyebabkan kawasan di sekitar pantai barat Semenanjung Malaysia menerima hujan dan ribut petir pada sebelah petang.

"Bagaimanapun, negara masih lagi mengalami suhu panas bagi bulan Mac dan pihak MetMalaysia meramalkan suhu tersebut boleh mencapai sehingga 39 darjah Celsius ekoran peningkatan suhu antara 0.5 hingga 2.0 darjah Celsius.

"Pun begitu, ramalan suhu tersebut masih berada di bawah paras suhu tertinggi yang pernah dicatatkan di negara itu pada tahun 1998 dengan bacaan suhu 40.1 darjah Celsius di Chuping Perlis," katanya kepada *Kosmo* semalam.

LAGI BERITA DI MUKA 3 DAN 48

Telur boleh berdiri sendiri

KUALA LUMPUR — Kedudukan bumi, bulan dan matahari yang berada dalam satu garisan bukan sahaja menghasilkan fenomena gerhana matahari, bahkan menyebabkan berlakunya satu kejadian unik apabila telur mentah boleh berdiri sendiri.

Pembantu Pegawai Sains Planetarium Negara, Siti Aminah Arbaian berkata, telur berdiri berlaku ekoran kesan kedudukan bumi, bulan dan matahari berada dalam satu garisan yang menyebabkan wujudnya tarikan graviti.

"Dalam keadaan ini, putih telur teritarik ke bahagian atas telur, manakala

kuning telur yang sedikit berat berada di bahagian bawah sehingga mewujudkan kesimbangan pada telur.

"Sainitis berpendapat terdapat garis medan gravitasi antara matahari dan bumi yang mampu mempengaruhi elektron dalam telur sehingga menjadikannya ia stabil, sekali gus membolehkannya berdiri tegak," katanya.


Peristiwa telur berdiri itu dapat disaksikan orang ramai apabila Planetarium Negara mengadakan demonstrasi tersebut kepada pengunjungnya sewaktu gerhana matahari separa berlaku di Malaysia antara pukul 7.29 pagi sehingga 9.30 pagi semalam.



TELUR ayam mentah boleh berdiri sendiri sewaktu fenomena gerhana matahari dalam demonstrasi di Planetarium Negara, Kuala Lumpur semalam.

Fenomena gerhana matahari

Gerhana matahari dapat dilihat di beberapa negara Asia termasuk Malaysia pada 9 Mac. Gerhana matahari penuh berlaku di Indonesia.



INFO Gerhana Matahari

- Gerhana matahari berlaku apabila kedudukan bulan terletak di antara bumi dan matahari.
- Gerhana matahari penuh berlaku apabila bayangan bentuk gelap bulan menyelubungi sepenuhnya cahaya matahari.
- Gerhana matahari penuh adalah peristiwa yang jarang berlaku dan ia dikatakan berulang di sebuah lokasi hanya sekali bagi setiap 370 tahun.
- Bagaimanapun, gerhana matahari separa berlaku lebih kerap, contohnya Malaysia dijangka menerima fenomena ini pada tahun 2019 selepas kejadian semalam.
- Rakyat Malaysia pernah dapat menyaksikan gerhana matahari penuh pada tahun 1995 di Kudat, Sabah.

Beras JUARA®

"Pilihan Yang Tepat"
Kemasan 100% Komputer Islam



ORANG ramai tidak melepaskan peluang menyaksikan fenomena gerhana matahari separa di pekarangan Planetarium Negara, Kuala Lumpur.

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 12

TARIKH: 10 MAC 2016 (KHAMIS)

FENOMENA GERHANA MATAHARI

Projek teropong 3 hari

— ドコモ カード

APPLICABLE PRODUCT

DocuP

OSCAR bersama teropong ciptaananya yang dihasilkan daripada kotak buangan.

Oleh Norasikin Daineh dan Mohd Ruzaini Zulkepli
hmkk@hmetro.com.my
Kota Kinabalu

"Saya puas hati kerana impian menyaksikan fenomena gerhana matahari separa menggunakan alat ciptaan sendiri berjaya," kata Oscar Loke, 9, yang mencuri tumpuan ramai berikutan kreativitinya mencipta teropong pemberbas menggunakan kotak buangan di Balai Cerap al-Biruni Tanjung Dampul, dekat sini, semalam.

Menurut murid tahun tiga

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Chung Hwa, usahanya selama tiga hari mencipta teropong secara pantulan itu berbaloi apabila ia boleh digunakan untuk menyaksikan fenomena berkenaan dengan jelas.

"Saya bersengkang mata tiga hari menyiapkan peralatan ini selain membeli teleskop pantulan monofokus berharga RM100 bagi melengkapkan ciptaan."

"Fenomena ini jultung kali saya saksikan, saya juga menarik minat menjadi ahli astronomi satu hari nanti," katanya.

Ibuanya, Ally Ang, 43, ber-



kata, dia dan suami, Loke Ting Yen, 44, kagum dengan keterujaan anak tunggal mereka yang mempunyai minat mendalam dalam bidang astronomi.

"Sebelum ini sekiranya ada masa terluang, kami bertingkah berkunjung ke Kudat atau Kota Marudu membawa teleskop untuk melihat bintang atau fenomena 'Milky Way'."

"Sejak kecil Oscar menunjukkan minat dalam bidang astronomi dan kami berharap impiannya berjaya pada akhirnya menjadi ahli astronomi satu hari nanti," katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Kanan Ba-

hagian Urus Jabatan Tanah dan Urus Sabah Wahab Kannan berkata, pihaknya menyediakan lima teleskop untuk digunakan pengunjung balai cerap menyaksikan keajaiban fenomena gerhana matahari separa berkenaan.

"Berdasarkan maklumat, tiga lokasi mempunyai jarak penglihatan hampir maksimum bagi menyaksikan fenomena ini seperti di Tawau dengan kejelasan 81 peratus pada jam 8.41 pagi, ditukar Sandakan iaitu 75 peratus pada jam 8.42 pagi dan Kota Kinabalu sebanyak 73 peratus pada jam 8.40 pagi," katanya.

"Namun atas sebab keselamatan, kami dinasihatkan memakai cermin mata khas penapis cahaya."

Kuala Lumpur

Rela mohon cuti ke balai cerap

"Saya sanggup mengambil cuti hari ini (semalam) dan keluar rumah seawal jam 6 pagi semata-mata datang ke sini kerana tidak mahu melepaskan peluang melihat kebesaran ciptaan Allah SWT," kata Mohamad Azim Noor Azmi, 26.

Doktor pelatih itu berkata, walaupun perjalannya dari Seremban, Negeri Sembilan ke pekarangan Planitarium Negara, di sini mengambil masa hampir dua jam, namun ia disifatkan berbaloi.

Menurutnya, pengalaman melihat fenomena gerhana

matahari separa adalah yang pertama dalam hidupnya.

"Walaupun meredah kesesakan lalu lintas di sekitar ibu kota, tapi saya puas hati dapat saksikan sendiri fenomena itu di depan mata."

"Sebelum ini, saya hanya berpeluang melihat gambar gerhana menerusi akhbar dan majalah," katanya sini, semalam.

Justeru, Mohamad Azim berkata, memikirkan gerhana itu hanya berlaku setiap empat tahun sekali, dia dan isterinya membuat keputusan tidak melepaskan peluang berkenaan.

Alor Gajah

500 berkumpul tak lepas peluang

Seramai 500 pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi dan orang ramai berkumpul di Balai Cerap Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara, di sini, sejak jam 6 pagi semalam bagi menyaksikan fenomena gerhana matahari separa berkenaan.

Pelajar Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab Melaka Afiq Al Hafiz Azmi, 15, berkata, ia pengalaman pertamanya menyaksikan fenomena gerhana matahari secara langsung.

"Namun atas sebab keselamatan, kami dinasihatkan memakai cermin mata khas penapis cahaya."

"Fenomena ini

mendekatkan lagi saya dengan ciptaan Allah dan ia peluang berharga yang rugi jika dilepaskan kerana berlaku empat tahun sekali.

"Sebelum ini saya cuma melihat kejadian itu di rumah menggunakan beberapa lapisan cermin mata hitam, namun belum dapat melihatnya dengan jelas," katanya sini, semalam.

Sementara itu, Pegawai Sains Jabatan Mufti negeri Nor Nazmi Razali berkata, orang ramai di negeri ini hanya berpeluang melihat gerhana matahari separa berbanding gerhana matahari penuh di Palembang, Indonesia.

Putrajaya

Nafas terhenti lihat keajaiban

"Nafas saya bagaikan terhenti kerana teruja melihat gerhana matahari ini," kata Mohd Jamal Jamaluddin, 34, yang turut bersama lebih 500 pengunjung menyaksikan fenomena berkenaan di pekarangan Masjid Putra, di sini, semalam.

Mohd Jamal berkata, dia sanggup beratur dan menunggu giliran bagi melihat fenomena semula jadi yang jarang berlaku di negara ini melalui teknologi terkini disediakan.

"Pengalaman ini bukan kali pertama bagi saya. — boleh dikatakan hampir setiap kali ia berlaku, saya tidak melepaskan peluang menyaksikan keindahan ciptaan dan aturan yang ditentukan olehNya," katanya.

Orang ramai membanjiri pekarangan Masjid Putra sejak jam 7 pagi untuk merebut peluang melihat fasa-pertama fenomena gerhana yang berlaku jam 7.24 pagi dan mencapai tahap gerhana maksimum pada jam 8.23 pagi.

Program itu dianjurkan Unit Falak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Urus dan Pemerataan Malaysia (JUPEM).

Selain menyaksikan gerhana matahari, umat Islam turut menuaikan solat sunat gerhana yang diadakan jam 8 pagi diimamkan Imam Masjid Putra Luqman Mohamad Hosni diikuti dengan khutbah gerhana yang bertajuk 'Mengali Rahsia Keagungan Allah'.

Sanggup daki puncak bukit

